

Kaji semula reka bentuk projek tebatan banjir Sungai Kesang

JASIN 7 Sept. - Pihak pelaksana projek naik taraf dan tebatan banjir di Sungai Kesang digesa mengkaji semula kerja yang dilakukan kerana ia dilihat tersasar daripada rancangan asal.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Pembangunan Usahawan negeri, Datuk Hasan Rahman berkata, projek bernilai RM30.89 juta melibatkan sungai yang menjadi sempadan antara Johor dan Melaka itu perlu diberi perhatian serius.

Menurutnya, tiada pantauan dari Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Ledang menyebabkan kontraktor projek sewenang-wenang menimbus batu-batu ke dalam Sungai Kesang.

"Kita merayu kepada JPS Ledang supaya melihat semula pelan pembangunan projek berkenaan secara lebih teliti memandangkan realitinya kerja naik taraf itu tidak menepati pelan asal selain memerlukan pandangan kedua-dua negeri.

"Daripada penelitian dan

aduan diterima, kami dapati kontraktor menimbuskan batu ke dalam sungai yang jika dibiarkan bakal menjadi punca banjir," katanya ketika ditemui selepas mengadakan lawatan di Sungai Kesang, di sini baru-baru ini.

Hasan yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Rambai berkata, pihaknya berharap kontraktor atau konsultan yang dilantik dapat melaksanakan projek mengikut spesifikasi sebenar tanpa mengubah pelan asal.

Beliau berkata, pihaknya mahu tiada kesilapan reka bentuk projek menjadi punca pembaziran wang kerajaan selain memastikan segala kos pembangunan dapat dimanfaatkan lebih-lebih lagi projek terabit berkaitan R a n c a n g Tebatan Banjir.

"Kerajaan negeri merayu Kementerian berkaitan dapat mengkaji semula reka bentuk projek supaya peruntukan bernilai jutaan ringgit ini tidak memberi impak negatif bukan sahaja kepada penduduk setempat malah alam sekitar.

"Semua penduduk di sini tidak menolak sebarang pembangunan di sungai berkenaan namun kita juga tidak mahu ia menjejaskan ekosistem sungai malah gagal menyelesaikan masalah banjir pada masa akan datang," katanya lagi.



HASAN RAHMAN menunjukkan kawasan sekitar yang ditimbus dengan batu-batu di Sungai Kesang, Melaka, baru-baru ini.



SEBUAH jentera berat meletakkan batu-batu di Sungai Kesang dalam kerja-kerja yang didakwa tidak mengikut pelan projek tebatan banjir ditetapkan. - UTUSAN/NURSURAYA ZULKIFLI